

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

RPK 451 - Ekonomi Bandar Dan Wilayah

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT Soalan Sahaja.

1. Tuliskan nota ringkas berkenaan dengan DUA daripada tajuk-tajuk berikut:

- a) Ekonomi Perkelompokan
- b) Teori Petempatan Pusat
- c) Teori Lokasi

(25 markah)

2. a) Terangkan konsep 'pengkutuban' dan konsep 'penyebaran' seperti yang digunakan dalam Teori Kutub Pertumbuhan.
- b) Berdasarkan kepada satu contoh yang anda ketahui, bincangkan keberkesanan pendekatan 'Kutub Pertumbuhan' dalam pembangunan wilayah.

(25 markah)

3. Teori Asas Eksport boleh dinyatakan dalam bentuk yang mudah seperti berikut:

$$Y_i = f(x_i)$$

yang mana

$$Y_i = \text{Kadar pertumbuhan keluaran wilayah } i,$$

$$x_i = \text{Kadar pertumbuhan eksport wilayah } i,$$

- a) Terangkan dengan jelas teori di atas serta andaian yang digunakan.

- b) Apakah yang dimaksudkan dengan aktiviti asas? Terangkan DUA cara untuk menentukan aktiviti itu.
- c) Pada pendapat anda, apakah kelemahan utama teori tersebut di atas ?

(25 markah)

4. Berikut ialah jumlah gunatenaga (dalam ribu) bagi sebuah kawasan kajian dan negara bagi tempoh 1980 - 1985.

TAHUN SEKTOR	Kawasan Kajian		Negara	
	1980	1985	1980	1985
Pertanian	40	30	300	200
Pembuatan	20	40	400	600
Perkhidmatan	20	30	300	400
JUMLAH	80	100	1000	1200

- a) Berdasarkan kepada data-data di atas, jelaskan pertumbuhan ekonomi kawasan kajian bagi tempoh 1980 - 1985 dengan menggunakan kaedah analisis syif-syer.
- b) Bincangkan kelemahan-kelemahan kaedah syif-syer.

(25 markah)

5. Analisis Input - Output boleh diterangkan melalui model berikut:

$$AX + D = X$$

yang mana

X ialah matriks keluaran setiap sektor ekonomi,

A ialah matriks koefisien, dan

D ialah matriks permintaan akhir.

a) Jelaskan model tersebut dengan menerangkan kaitan di-antara matriks-matriks A, X dan D.

b) Sekiranya diberikan;

$$(I - A)^{-1} = \begin{bmatrix} 1.0 & 0.5 \\ 0.3 & 1.0 \end{bmatrix} \quad \text{dan}$$

$$D = \begin{bmatrix} 100 \\ 200 \end{bmatrix}$$

Kirakan X yang mengandungi dua sektor ekonomi.

c) Berikan penjelasan kepada jawapan dalam (b) itu.

(25 markah)

6. a) Terangkan tren dan ciri-ciri urbanisasi di Semenanjung Malaysia sejak 1911.

b) Sejauh manakah urbanisasi itu mempengaruhi pertumbuhan bandar dan wilayah di negara ini ?

(25 markah)

7. a) Bincangkan faktor-faktor utama yang menyebabkan ketidakseimbangan wilayah di negara ini.

b) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan wilayah itu ?

(25 markah)

8. Bincangkan faktor-faktor ekonomi yang mempengaruhi pola gunatanah dibandar.

(25 markah)

